From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 26 July, 2022 9:28:51 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MESYUARAT MPLPU DIBUAT SECARA HIBRID

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JULAI 2022 / 26 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MESYUARAT MPLPU DIBUAT SECARA HIBRID



UUM ONLINE: Mesyuarat Majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Awam (MPLPU) kali ke-11 Bil.1/2022 berlangsung secara hibrid di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengerusi LPU UUM, Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar yang juga Pengerusi MPLPU.

Beliau berkata, Majlis Pengerusi LPU ini merupakan saluran komunikasi di kalangan Pengerusi LPU Universiti Awam untuk berkongsi pandangan, cadangan, syor, saranan dan rangsangan demi kebaikan bersama untuk memacu kecemerlangan universiti.

Beliau turut berkongsi kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang memperkenalkan Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi atau Sejahtera IPT bagi tahun 2022 sebagai pelan jangka masa sederhana KPT untuk meneruskan momentum kecemerlangan pendidikan tinggi yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

“Sejahtera IPT mengandungi tujuh strategi utama dalam usaha kita untuk memacu kecemerlangan universiti seperti mengukuhkan ekosistem kampus yang selamat, memperkukuhkan kebolehpasaran graduan, memperkasakan agenda pendigitalan, memantapkan jaringan kolaborasi strategik dan memacu kesejahteraan komuniti,” ucapnya.

Beliau berharap semua dapat sama-sama memainkan peranan terbaik untuk meneruskan momentum kecemerlangan pendidikan tinggi dan menjayakan agenda negara khususnya melalui Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha memperkasa universiti awam.

Hadir sama, Pengerusi LPU UKM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak, Pengerusi LPU UiTM, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Abu Shah, Pengerusi LPU UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi LPU UNISZA Tan Sri Dr. Abdullah Md Zin, Pengerusi LPU UMP Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman dan Pengerusi LPU UM, Tan Sri Zarinah Anwar.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.